



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/4/2021	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	KeTSA / BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030



Muhyiddin mendengar penerangan Hisamuddin (kanan), sambil diperhatikan Shamsul Anuar dan Azmin pada Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# Jadikan industri tingkat daya saing

BH 23/4/2021 m/s 2

**TIM 2021-2030 jadi rujukan bangun sumber mineral secara holistik**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) yang dilancarkan semalam, perlu menjadi rujukan utama semua pihak berkepentingan bagi memastikan industri itu dapat dibangunkan secara holistik.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ketika ini, sumber mineral memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia.

Beliau berkata, hampir semua benda memerlukan sumber mineral dalam penghasilan atau pembuatannya, seperti jalan raya, bangunan, kereta dan telefon pintar, yang memerlukan sumber mineral seperti batu kapur, bauksit, pasir silika, bijih besi dan unsur nadir bumi.

Katanya, sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil mineral Malaysia harus bijak memposisikan diri serta mengambil peluang untuk meneroka dan membangunkan sumber yang kita miliki.

"Justeru, Malaysia perlu membangunkan industri itu secara bertanggungjawab dan mampan,

berikutan nilai strategik industri berkenaan kepada pertumbuhan dan daya saing ekonomi negara.

"Kerajaan amat komited dalam memastikan pelan ini berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan khususnya bagi mengangkat kembali industri ini menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.

"Pada tahun 2030, kerajaan menyoar sumbangan industri mineral kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK akan meningkat kepada RM29 bilion," katanya ketika Melancarkan Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030, pagi semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kanan Ekonomi yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selaku Pengerusi Majlis Mineral Negara, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Hisamuddin Termidi (kanan).

Muhyiddin berkata, sejarah pembangunan negara menyaksikan kerancangan aktiviti perlombongan mineral khususnya bijih timah memberi impak signifikan sehingga mewujudkan bandar besar yang ada kini termasuklah Kuala Lumpur, Seremban dan Ipoh.

Beliau berkata, perlombongan bijih timah yang suatu ketika pernah menjadi antara sumber

mineral terpenting menyumbang kepada ekonomi negara sebelum dan selepas merdeka, hingga Tanah Melayu menjadi pengeluar terbesar dunia termasuk menyumbang hampir separuh pengeluaran dunia pada awal abad ke-20.

Pun begitu, beliau berkata, industri mineral bukan sahaja bergantung kepada kuantiti sumber mineral yang dimiliki tetapi juga kebijaksanaan negara mengambil peluang terhadap permintaan yang tinggi di peringkat global.

Katanya, ia boleh dilakukan dengan menyediakan infrastruktur yang menyokong perkembangan industri, sumber manusia yang mencukupi serta penggunaan teknologi termoden untuk meningkatkan produktiviti.

"Walaupun negara pernah melalui zaman kegemilangan industri mineral pada suatu ketika dahulu, keadaan itu tidak lagi sama pada ketika ini. Berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019, sumbangan sektor mineral kepada ekonomi masih lagi kecil jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain.

"Sumbangan sektor mineral kepada KDNK pada 2019 adalah sebanyak RM9.9 bilion atau hanya 0.7 peratus.

"Nilai import mineral dan produk berasaskan mineral pula adalah sebanyak RM90.96 bilion, mengatasi nilai eksport yang mencatatkan sebanyak RM59.40 bilion, manakala industri ini menawarkan sebanyak 15,275 peluang pekerjaan dengan konsentrasi yang tidak seimbang antara peringkat hulu, pertengahan dan hiliran," katanya.